

# BONAIR HFA INHALER

Salbutamol sulphate (100mcg/actuation)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Bonair
2. Bagaimana Bonair berfungsi
3. Sebelum menggunakan Bonair
4. Cara menggunakan Bonair
5. Semasa menggunakan Bonair
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Bonair
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Bonair

Bonair digunakan sebagai pencegahan dan ubat melegakan asma ringan, sederhana atau teruk.

## Bagaimana Bonair berfungsi

Bonair mengandungi Salbutamol yang bertindak terutamanya pada bronkus (saluran pernafasan) dengan mengendurkan otot licin. Bonair bertindak cepat (dalam 5 minit) dengan menghasilkan bronkodilatasi (pengembangan saluran udara) untuk satu jangka masa singkat (4 hingga 6jam) bagi obstruksi saluran pernafasan berbalik.

## Sebelum menggunakan Bonair

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Bonair jika anda hipersensitif terhadap salbutamol sulfat atau mana-mana bahan-bahan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.

### Mengandung dan menyusukan anak

Pengambilan Bonair semasa mengandung hanya boleh dipertimbangkan sekiranya faedah yang dijangka kepada ibu adalah melebihi risiko yang mungkin berlaku kepada janin. Pemberian ubat yang tidak diperlukan semasa trimester 1 kehamilan adalah tidak wajar.

Oleh kerana Salbutamol mungkin dirembeskan dalam susu badan, penggunaannya dalam penyusuan badan tidak digalakkan kecuali faedah yang dijangka melebihi apa-apa potensi risiko. Ia tidak diketahui sama ada salbutamol dalam susu ibu mempunyai kesan yang buruk ke atas bayi baru lahir.

## Sebelum mula menggunakan Bonair

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai mana-mana daripada keadaan berikut:

- penyakit jantung
- tekanan darah tinggi
- gula darah tinggi

## Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Penggunaan ubat ini bersama penghalang beta contohnya, propranolol, akan menghalang kesan salbutamol.

Ubat adrenergik tambahan, *monoamine oxidase inhibitor* (MAOI) untuk kemurungan atau antidepresan tricyclic harus digunakan dengan berhati-hati bersama dengan salbutamol kerana kesan kardiovaskular (jantung dan saluran darah) .

## Cara menggunakan Bonair

### Berapa banyak harus digunakan

#### **Bronkospasma (pengecutan saluran udara dalam paru-paru) akut:**

Dos dewasa : 100 hingga 200 µg setiap hari.

Kanak-kanak : 100 µg setiap hari. Jika perlu, dos boleh meningkat kepada 200 µg.

#### **Pencegahan bronkospasma teraruh latihan:**

Dos dewasa: 200 µg setiap hari sebelum melakukan senaman.

Kanak-kanak: 100 µg setiap hari sebelum melakukan senaman. Jika perlu, dos boleh meningkat kepada 200 µg.

#### **Terapi kronik:**

Dos Dewasa: Sehingga 200 µg empat kali sehari.

Kanak-kanak: Sehingga 100 µg empat kali sehari.

### Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

## Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

## Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda dos berlebihan termasuk:

- Sawan
- Angina (sakit dada)
- Tekanan darah tinggi atau rendah
- Kadar denyutan jantung yang luar biasa cepatnya, biasanya lebih daripada 100 denyutan per minit. Aritmia (denyutan jantung tidak teratur)
- Gemuruh
- Sakit kepala
- Tremor
- Mulut kering
- Palpitasi
- Loya
- Pening
- Keletihan
- Insomnia.

## Semasa menggunakan Bonair

### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Bonair.

# BONAIR HFA INHALER

Salbutamol sulphate (100mcg/actuation)

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

## Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan berkongsi Bonair dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

## Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda hamil atau baru hamil atau menyusu semasa rawatan, anda tidak perlu mengambil salbutamol kecuali doktor anda memberitahu anda.

Ini disebabkan oleh risiko kepada bayi dalam kandungan anda masih belum diketahui.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Bonair boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Hipokalemia (paras kalium yang rendah dalam darah) diketahui boleh menjadi kesan sampingan semasa rawatan dengan Salbutamol dan ini boleh dipertingkatkan semasa terapi diuretik seiring (meningkatkan pengeluaran urin).

Kesan sampingan termasuk:

- Takikardia (Denyutan jantung yang luar biasa cepatnya, biasanya lebih daripada 100 denyutan per minit)
- Palpitasi (dengupan jantung yang tidak normal)
- Aritmia kardium (degupan jantung yang tidak sempurna, sama ada tidak teratur, terlalu cepat atau terlalu lambat.
- Kerpasan angina pektoris (sakit dada atau ketidakselesaan disebabkan oleh penyakit jantung koronari)
- Stimulasi sistem saraf pusat
- Mulut kering
- Berpeluh
- Sakit kepala
- Pening
- Loya

- Muntah
- Gemuruh
- Keresahan
- Tremor.

Jika mana-mana kesan sampingan semakin serius, atau jika anda perasan apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Bonair**

### Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 25°C. Jangan bekukannya.

Elakkan penyimpanan di bawah cahaya matahari atau haba.

Jangan tebuk atau bakar botol bertekanan walaupun kosong.

Jangan gunakan ubat anda selepas tarikh tamat yang dinyatakan pada pek selepas 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### Rupa dan warna produk

Aerosol mudah ditekan mengandungi suspensi berwarna putih ke putih pudar di dalam Propelan diisi dalam tin logam & dipasang dengan injap bermeter.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

- Salbutamol Sulfat BP bersamaan dengan Salbutamol

Bahan-bahan tidak aktif

- Etanol
- Asid oleik
- Propelan 134 a / p

Nombor MAL: MAL07090894ACZ

### **Pengilang**

MIDAS CARE  
PHARMACEUTICALS PVT. LTD.  
B-16, MIDC Waluj,  
Aurangabad 431136  
INDIA

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

STERILINE SDN. BHD.  
Lot 5979, Jalan Teratai,  
5 ½ Mile Off Jalan Meru,  
41050 Klang, Selangor  
MALAYSIA

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

30/09/2015

### **Nombor siri**

BPFK(R4/1)090915/00309